

UMS Memperluas Keterlihatan Global dengan Menjalin Kerjasama dengan Institusi di Jepun

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 26 April 2019 12:01 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 50

[Tweet](#)

[Share](#)



daripada pengisian kerjasama yang telah terjalin.

“Di sana, mereka mengalami sendiri suasana dan budaya kerja yang lebih keterhadapan sekali gus mendokong kepada usaha universiti untuk merealisasikan graduan yang lebih bersedia dan terbukti kemampuannya untuk bekerja atau juga dikenali sebagai *future-ready graduate*,” katanya.

Beliau berkata demikian, di sini, hari ini, ketika diminta mengulas mengenai kunjungan rasmi Konsul Pejabat Konsular Jepun di Kota Kinabalu, Kako Shihō kepada Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin baru-baru ini.

Menurut Prof. Dr. Ho, UMS juga akan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan dua lagi universiti terkemuka di Jepun pada tahun ini.

Katanya, kerjasama itu akan merangkumi program pertukaran kakitangan dan pelajar, kerjasama dalam bidang penyelidikan, penempatan latihan industri pelajar UMS di syarikat-syarikat Jepun dan pelbagai lagi kerjasama lain yang boleh memberi manfaat kepada kedua belah pihak.

“Berhubung dengan kerjasama ini, Konsul Jepun turut berbesar hati untuk menawarkan bantuan sekiranya terdapat sebarang keperluan dari pihak UMS.

“Dalam masa sama, beliau juga memaklumkan untuk membantu mencari syarikat-syarikat dari negara Matahari Terbit itu yang berminat melabur ke negara ini khususnya di Sabah,” tambah Prof. Dr. Ho.

Pada kunjungan hormat tersebut, Kako yang baru dilantik sebagai Konsul pada 21 Mac lalu hadir ditemani Timbalan Konsul, Ai Tsukamoto.

Turut hadir menyambut kunjungan beliau Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul.

JUMAAT, 26 APRIL - Universiti Malaysia Sabah (UMS) sedang memperluas kerjasama antarabangsa dengan institusi di negara-negara yang berdasarkan teknologi dan perindustrian termasuk Jepun.

Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global, Prof. Dr. Ho Chong Mun berkata, kerjasama seumpama itu penting bagi menerapkan budaya kerja maju, pengetahuan dan pengalaman kepada pelajar dan pensyarah sejajar dengan perkembangan pesat Revolusi Industri (IR) 4.0.

“Sebagai contoh di Kindai University Jepun, setiap tahun kita akan menghantar pelajar untuk menjalani latihan industri ke universiti itu sebagai sebahagian

